



ALLIANCE BANK

# **NOTIS & PILIHAN PENYATA PRINSIPAL – AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010**

Menurut Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA) 2010 dan dalam usaha berterusan kami bagi memastikan yang data peribadi anda dilindungi, kami dengan ini mendedahkan penyata ini tentang bagaimana data peribadi anda akan diuruskan oleh Alliance Bank. Bagi tujuan Notis ini, "Alliance Bank" di sini merujuk kepada Alliance Bank Malaysia Berhad dan subsidiari-subsidiari milik sepenuhnya, iaitu Alliance Investment Bank Berhad dan Alliance Islamic Bank Berhad.

Alliance Bank berhak untuk mengubah Notis ini dari semasa ke semasa. Sebagai pelanggan kami yang dihargai, kami menasihatkan agar anda menyemak Notis ini pada kadar berkala untuk sebarang kemas kini dan perubahan.

### **BAGAIMANA DATA ANDA DIKUMPUL?**

Secara amnya, data peribadi anda seperti nama, alamat, alamat e-mel (atau maklumat perhubungan lain), kad pengenalan, umur, jantina, pekerjaan, serta maklumat kewangan lain dikumpulkan melalui pelbagai cara. Kaedahnya termasuklah:

- Data peribadi yang diberikan secara langsung/sukarela oleh anda melalui borang permohonan, penyertaan peraduan, kaji selidik, aktiviti-aktiviti promosi dan pemasaran/penjualan melalui telefon;
- Data peribadi yang ada di dalam domain awam;
- Data peribadi yang berkaitan dengan transaksi anda dengan kami, gabungan kami atau pihak ketiga;
- Apabila anda melayari laman web kami atau berdasarkan bagaimana anda menggunakan produk atau perkhidmatan kami; dan
- Daripada pihak ketiga seperti agensi pelaporan kredit, agensi penguat kuasa undang-undang, agensi pencegah penipuan dan entiti kerajaan yang lain.

### **PEMBEKALAN MAKLUMAT**

Walaupun, sebagai pelanggan anda mempunyai hak untuk menentukan maklumat yang ingin anda berikan, namun kami mungkin memerlukan anda memberi maklumat mandatori yang kami rasakan relevan dari semasa ke semasa bagi membolehkan kami memproses permohonan anda dan menawarkan perkhidmatan kami kepada anda. Sekiranya anda memilih untuk tidak memberikan data tersebut, kami mungkin tidak boleh menawarkan perkhidmatan dan produk kami kepada anda.

### **BAGAIMANA KAMI MENGGUNAKAN DATA ANDA?**

Kami akan menggunakan data peribadi anda dalam urusan perniagaan biasa yang mungkin termasuk tujuan berikut:

- Untuk memproses permohonan bagi produk dan perkhidmatan;
- Untuk pengesahan pengenalan;
- Untuk mengakses dan/atau mengesahkan kebolehpercayaan kredit anda;
- Untuk berkomunikasi dengan anda termasuk memberi maklum balas kepada pertanyaan anda dan menyelesaikan sebarang isu atau aduan perkhidmatan;

- Untuk memberi anda maklumat tentang produk dan perkhidmatan yang kami tawarkan dan/atau rakan kongsi perniagaan kami;
- Bagi tujuan perikatan strategik, jualan silang, pemasaran dan promosi, kepada unit/jabatan/entiti lain dalam Alliance Bank, agen kami dan pihak ketiga;
- Untuk mematuhi keperluan kawal selia dan memberi bantuan kepada agensi penguat kuasa undang-undang;
- Bagi tujuan kajian dan pembangunan produk dan perkhidmatan;
- Mentadbir dan/atau mengurus produk dan perkhidmatan kepada anda termasuk memungut hutang dan menguatkuasakan hak dan obligasi kami atau sekutu kami;
- Untuk menambah baik dan membangunkan perkhidmatan dan jaminan kualiti kepada anda;
- Untuk menilai, memproses dan/atau menyiasat risiko dan tuntutan insurans;
- Bagi tujuan yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkenaan dengan kebenaran anda; dan
- Bagi semua tujuan lain berkaitan dengan perkara di atas.

#### **KEPADA SIAPA YANG MUNGKIN KAMI DEDAHKAN MAKLUMAT ANDA**

Kami tidak akan mendedahkan maklumat anda kepada mana-mana pihak ketiga melainkan dalam lingkungan pendedahan yang dibenarkan di bawah undang-undang/garis panduan lazim dan/atau anda telah membenarkan pendedahan tersebut, kami mungkin akan mendedahkan maklumat anda (melainkan maklumat kewangan) kepada kategori pihak tertentu di dalam dan di luar Malaysia seperti yang tersenarai di bawah untuk memberi anda perkhidmatan yang lebih baik:

- Penyedia perkhidmatan pihak ketiga;
- Agen atau kontraktor yang bertindak bagi pihak kami atau dilantik oleh kami untuk bertindak bagi pihak kami;
- Kepada jabatan, entiti dan/atau unit lain dalam Alliance Bank, termasuk sekutu kami, antara yang lain bagi tujuan memaklumkan anda tentang pemasaran dan tawaran promosi terkini yang mungkin anda berminat;
- Badan kawal selia, kerajaan atau pihak berkuasa lain sekiranya diperlukan atau diberikan kuasa untuk melakukan yang sedemikian bagi melaksanakan sebarang fungsi kawal selia di bawah mana-mana undang-undang atau berkaitan dengan sebarang arahan atau keputusan mahkamah;
- Agensi pungutan hutang atau pihak lain yang membantu fungsi pungutan hutang;
- Kepada penasihat profesional kami termasuk peguam, juru audit & broker atas asas perlu tahu bagi tujuan memberi perkhidmatan/nasihat kepada kami;
- Untuk memudahkan permohonan/urusan anda berkaitan kemudahan kredit, akaun dan/atau perkhidmatan dengan mana-mana institusi;

Yakinlah bahawa kami akan memastikan yang langkah-langkah sewajarnya diambil oleh kategori pihak di atas untuk melindungi atau mengekalkan kerahsiaan maklumat anda yang diberikan kepada mereka.

## **HAK ANDA & BAGAIMANA UNTUK MENGHUBUNGI KAMI**

Sebagai pelanggan yang kami hargai, anda boleh lakukan yang berikut dengan melengkapkan Borang Permohonan Perkhidmatan kami yang terdapat di laman web dan cawangan-cawangan kami:

- a) permohonan untuk akses kepada maklumat peribadi yang kami simpan tentang anda;
- b) permohonan untuk data peribadi anda yang disimpan oleh kami untuk diperbetulkan/dikemas kini;
- c) membatalkan kebenaran untuk pemprosesan/menggunakan data peribadi anda oleh kami.

Borang Permohonan Perkhidmatan yang telah dilengkapkan boleh dihantar ke mana-mana cawangan kami yang terdekat untuk tindakan selanjutnya.

Sekiranya anda memohon akses kepada data peribadi anda yang disimpan oleh kami, kami akan berusaha untuk memberi maklum balas dalam masa dua puluh satu (21) hari selepas menerima permohonan anda. Yuran pentadbiran akan dikenakan atas permohonan tersebut.

Sekiranya anda mempunyai sebarang kemusykilan berkenaan perkara di atas, anda boleh hubungi kami di:-

Pusat Perhubungan  
Alliance Bank Malaysia Berhad  
Menara Multi-Purpose, Capital Square  
No. 8, Jalan Munshi Abdullah  
50100 Kuala Lumpur  
Tel: 03-5516 9988  
Email: [info@alliancefg.com](mailto:info@alliancefg.com)

Notis & Pilihan Penyata Prinsipal lengkap dan terperinci kami boleh didapati melalui permintaan dari kaunter perkhidmatan cawangan kami dan/atau melalui laman web kami. Sila semak Notis & Pilihan Penyata Prinsipal kami yang terperinci sebelum membekalkan kami dengan maklumat peribadi anda.

### **Notis Data Peribadi (Personal Data Notice) – Bursa Malaysia**

Bagi pelanggan Pembrokeran Alliance Investment Bank dan sesiapa sahaja yang telah memberikan atau akan memberikan data peribadi kepada Bursa Malaysia Berhad, sila layari [www.bursamalaysia.com/personal\\_data\\_notice](http://www.bursamalaysia.com/personal_data_notice) untuk melihat dan membaca Notis Data Peribadi Bursa Malaysia.